



# KENYATAAN MEDIA

**PERUTUSAN  
YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2021  
3 MAC 2021**

---

Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia (*World Wildlife Day - WWD*) disambut pada 3 Mac setiap tahun untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian flora dan fauna liar serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingannya kepada manusia dan alam sekitar.

Tema sambutan WWD pada tahun ini ialah “*Forests and Livelihoods: Sustaining People and Planet*”. Tema ini dipilih bagi **menekankan kepentingan ekosistem hutan dan spesies-spesiesnya dalam memastikan kesinambungan kehidupan manusia di seluruh dunia termasuk Orang Asli dan komuniti setempat yang mempunyai hubungan yang sangat erat dengan kawasan hutan dan sekitarnya.**

Hutan yang menjadi habitat utama flora dan fauna memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di Malaysia khususnya kepada masyarakat yang bergantung hidup secara langsung dengan sumber hutan. Hutan juga menyumbang kepada perkhidmatan ekosistem seperti bekalan air bersih, habitat hidupan liar serta rekreasi. Ini menunjukkan bahawa hutan sangat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup kita.

Hutan perlu dipelihara dan dipulihara bagi meningkatkan ketahanan ekosistem yang semakin terancam serta membantu dalam mengurangkan fenomena perubahan iklim. Degradasi hutan, perubahan guna tanah, pemburuan dan perdagangan haram akan menyebabkan kepupusan spesies-spesies flora dan fauna, meningkatkan konflik manusia-hidupan liar serta menjaskan potensi ekopelancongan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk membanteras pemburuan haram hidupan liar. Salah satu inisiatif yang memberikan impak yang besar ialah Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Penguatkuasaan Alam Sekitar Asia 2020 pada 17 Februari 2021.

Penglibatan komuniti dalam program seperti Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) yang melibatkan veteran Angkatan Tentera Malaysia dan komuniti Orang Asli juga menjadikan penguatkuasaan lebih berkesan, memupuk rasa kebertanggungjawaban dalam melindungi khazanah flora dan fauna serta meningkatkan kesejahteraan komuniti.

Sempena Sambutan WWD pada tahun 2021, Jabatan PERHILITAN telah mengatur pelbagai program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam selaras dengan norma baharu termasuk webinar dan pameran seni dengan kerjasama KL City Art Gallery.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menjaga dan memulihara biodiversiti negara yang tidak ternilai untuk generasi kini dan masa depan. Selamat Menyambut Hari Hidupan Liar Sedunia Tahun 2021!

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

